

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI AHMAD  
[PARIT SULONG]**

**SOALAN NO. 356**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan yang telah dirangka oleh Kerajaan dalam menggalakkan lain-lain peneraju industri seperti e-pasar, termasuk peserta logistik tempatan dan antarabangsa untuk mengambil bahagian dalam Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) serta bagaimanakah DFTZ meningkatkan kecekapan dan mengurangkan urusan yang banyak melibatkan peringkat dan peraturan dalam e-Dagang.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Zon Perdagangan Bebas Digital (*Digital Free Trade Zone - DFTZ*) merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan (*National e-Commerce Strategic Plan - NeSR*), 2016-2020.
2. DFTZ merupakan suatu inisiatif berimpak tinggi yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab e-Dagang terulung serantau, melalui penyediaan platform maya secara bersepadu serta proses fasilitasi perdagangan dan pelepasan kargo yang lebih pantas, cekap dan efisyen.
3. Projek Perintis DFTZ yang bertempat di Terminal Kargo Udara 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah dilancarkan pada 3 November 2017. Antara pencapaian utama sejak projek perintis tersebut diperkenalkan adalah:

- beberapa syarikat *eMarketplace* terkemuka dunia telah menyertai inisiatif DFTZ. *eMarketplace* tersebut berperanan sebagai platform pemasaran secara atas talian yang berkesan bagi meningkatkan lebih banyak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan di dalam aktiviti perdagangan elektronik rentas sempadan serta memperluas akses pasaran eksport PKS tersebut. Di antara *eMarketplace* yang telah menyertai DFTZ adalah Alibaba.com, Qoo10, Amazon, eBay, Jocom, eRomman, Lazada, JinBaoMen, TradeIndia, MineBizs dan BuyMalaysia;
- lebih dari 5,000 PKS tempatan telah pun menyertai dan mengeksport produk tempatan menerusi DFTZ; dan
- dari segi penyediaan kemudahaan logistik, Hab *e-Fulfillment* akan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan zon bebas seperti pengurusan inventori, gudang, pembungkusan dan penghantaran. Setakat tahun 2018, sebanyak lapan (8) projek hab *e-fulfillment* telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM590.5 juta, yang mana RM570.5 adalah dari pelaburan domestik dan RM20 juta adalah pelaburan asing. Antara syarikat-syarikat yang diluluskan adalah Snt Global Sdn. Bhd., Pos Malaysia Berhad dan YCH Logistics Sdn. Bhd.

4. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melibatkan lebih ramai pemain industri lain, terutama di dalam bidang *eMarketplace* dan logistik untuk turut sama menyertai DFTZ. Antara pendekatan yang sedang dilaksanakan adalah termasuk:

- i. mengenalpasti dan mempromosi DFTZ kepada lebih banyak syarikat *eMarketplace* yang lain, termasuk *eMarketplace* tempatan seperti Dagang Halal, Aladdin Street dan Zilzar;

- ii. menjalinkan kerjasama dengan eMarketplace terkemuka seperti Alibaba.com, Trade India, Dagang Halal, Aladdin Street, Amazon, eBay, Qoo11, Tarad.com, Matahari Mall, JD.com dan TMall Global bagi membantu syarikat tempatan menembusi pasaran eksport menerusi Skim eTRADE;
  - iii. memberi latihan bagi memudahkan PKS tempatan mendapat akses dan memasarkan produk mereka ke pasaran serantau dan global dengan kerjasama syarikat-syarikat eMarketplace yang terlibat;
  - iv. mempromosi pelaburan agar syarikat industri logistik global seperti FedEx Corporation (FedEx) dan DHL Express (DHL) beroperasi di DFTZ. Ini akan turut mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan baharu, serta memperkenalkan amalan terbaik serta teknologi antarabangsa ke dalam ekosistem e-Dagang tempatan;
  - v. menawarkan Dana Strategik Pelaburan Tempatan (*Domestic Investment Strategic Fund*) kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti eFulfillment dan logistik dengan struktur ekuiti sekurang-kurangnya 60 peratus pegangan rakyat Malaysia, dan syarikat akan menaik taraf aktiviti dan operasi sedia ada dari segi ICT, automasi digital dan robotik; dan
  - vi. menyediakan fasilitasi pelaburan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain, dengan bertujuan mewujudkan ekosistem perniagaan yang kondusif untuk menarik pelaburan dalam aktiviti eFulfillment di Malaysia.
5. Dalam konteks meningkatkan tahap kecekapan proses dan prosedur, platform ePerkhidmatan (eServices) telah dibangunkan sebagai satu platform digital yang menyediakan perkhidmatan bersepadu yang menghubungkan sistem perkhidmatan e-Dagang di dalam DFTZ kepada sistem pengurusan perdagangan Kerajaan yang berkaitan.

6. Sistem automasi ini dilengkapi dengan keupayaan analisis data yang keupayaan penguatkuasaan kastam dalam melaksanakan proses pengurusan pelepasan kargo yang lebih cekap dan cepat.
7. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memastikan inisiatif DFTZ berjalan dengan jayanya, selaras dengan hasrat negara untuk menggandakan kadar pertumbuhan e-Dagang di Malaysia daripada 10.8 peratus pada tahun 2016 kepada 20.8 peratus menjelang tahun 2020, seperti yang telah ditetapkan di bawah NeSR, 2016-2020.

Sekian, terima kasih.